



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 10/2003
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini adalah dimaklumkan bahawa Baginda telah memperkenankan bagi penubuhan Audit Dalaman di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan bagi memperkemas lagi pengurusan kewangan dan organisasi Kementerian dan Jabatan Kerajaan.

2. Setiap Kementerian hendaklah menubuhkan Audit Dalaman. Penubuhannya di Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian masing-masing adalah atas budi bicara Setiausaha Tetap berdasarkan kesesuaian dan keperluan semasa.

3. Objektif, bidang tugas dan bidang kuasa Audit Dalaman adalah seperti berikut:-

3.1. OBJEKTIF

- i. Memastikan kawalan dalaman mencukupi ke atas pengurusan kewangan dalam semua kementerian/jabatan.
- ii. Mencegah dan mengawal kejadian-kejadian pecah amanah, penyelewengan, penyalahgunaan, pembaziran serta pemborosan.
- iii. Membantu kementerian dan jabatan dalam mentadbir dan mengurus hal ehwal kewangan dan harta benda Kerajaan.
- iv. Memastikan kelemahan-kelemahan dalam pengurusan kewangan dan harta benda Kerajaan dikesan lebih awal sebelum menjadi kritikal.
- v. Memastikan kelemahan-kelemahan dalam pengurusan kewangan dan harta benda Kerajaan khususnya dalam perbelanjaan dan pengutipan hasil diperbaiki dengan segera.
- vi. Membantu Pegawai Pengawal (*Vote Controller*) supaya lebih bertanggungjawab (*accountable*) ke atas pengurusan kewangan dan harta benda Kerajaan.
- vii. Memastikan Peraturan Kewangan 1983, undang-undang, prosedur-prosedur dan surat keliling yang berkaitan dengan hal ehwal kewangan difahami dan dipatuhi.



3.2. **BIDANG TUGAS**

- i. Unit Audit Dalam di peringkat kementerian melapor terus kepada Setiausaha Tetap.
- ii. Unit Audit Dalam di peringkat jabatan melapor terus kepada Ketua Jabatan dan kepada Setiausaha Tetap.
- iii. Memeriksa, menilai serta membuat cadangan pembaikan ke atas kawalan proses dan sistem pengurusan kewangan dan harta benda Kerajaan.
- iv. Menerima dan menyiasat aduan-aduan dari mana-mana pihak termasuk orang ramai.
- v. Menerima arahan-arahan dari Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan dari masa ke semasa.
- vi. Memantau tindakan-tindakan ke atas teguran/cadangan Jabatan Audit.
- vii. Memastikan Peraturan Kewangan 1983, undang-undang, prosedur-prosedur dan surat keliling yang berkaitan dengan hal ehwal kewangan difahami dan dipatuhi.

3.3. **BIDANG KUASA**

- i. Dalam melaksanakan tugas-tugasnya, pegawai/kakitangan Unit Audit Dalam adalah diberi kuasa oleh Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan di kementerian/jabatan Kerajaan.
- ii. Pengauditan hendaklah terhad kepada kementerian atau jabatan masing-masing sahaja.
- iii. Pegawai/kakitangan Unit Audit Dalam hendaklah bebas (independent) dalam melaksanakan peranan, tugas dan tanggungjawab mereka. Kebebasan meliputi perkara-perkara berikut:-
 - (a) Bebas dari dipengaruhi semasa menjalankan pengauditan.
 - (b) Bebas dari sekatan atau ugutan oleh pihak yang diaudit.
 - (c) Bebas dari tekanan mana-mana pihak.



- iv. Unit Audit Dalamn diberi kuasa seperti berikut:
- (a) Membuat penyiasatan dan mengakses apa jua dokumen atau rekod yang disimpan di kementerian/jabatan yang diauditnya.
 - (b) Memanggil sesiapa sahaja bagi mendapatkan maklumat dan keterangan yang diperlukan.
 - (c) Mengadakan pemeriksaan mengejut apabila diperlukan.
4. Mana-mana pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan awam yang enggan memberikan kerjasama kepada Unit Audit Dalamn akan diambil tindakan tatatertib di bawah peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa kesemasa.
5. Garispanduan Penubuhan Audit Dalamn adalah seperti **Lampiran I**.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

والسلام

[DATO PADUKA HAJI DANI BIN HAJI IBRAHIM]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan BA 1000,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Ruj : (10) JPM/SK/2003

Tarikh: 13 Rejab 1424
10 September 2003

**PANDUAN PENUBUHAN UNIT AUDIT DALAMAN
DI KEMENTERIAN DAN JABATAN KERAJAAN**

1. LATAR BELAKANG

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan supaya Audit Dalaman (*Internal Audit*) ditubuhkan di kementerian / jabatan kerajaan untuk memeriksa perjalanan perbelanjaan dan pungutan hasil kementerian / jabatan masing-masing seperti yang terkandung dalam keputusan persidangan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet ke 51 pada 19 Safar 1424 / 21 April 2003.

2. SEBAB-SEBAB DITUBUHKAN

Berkisar dari Laporan Juruaudit Agung ke atas Akaun Tahunan Berakhir 31 Disember 2000 yang menimbulkan masalah mengurus kutipan hasil dan mentadbir perbelanjaan dan harta benda kerajaan di mana antara kandungannya adalah:

- (i) Tunggakan hasil berdasarkan laporan tunggakan hasil yang disediakan oleh kementerian / jabatan berjumlah \$231,539,571.70 (jumlah ini tidak termasuk beberapa tunggakan hasil yang belum diperkirakan). Dari jumlah tersebut termasuklah hutang-hutang antara kementerian-kementerian / jabatan-jabatan yang berjumlah \$90,882,847.43.

- (ii) Hasil pendapatan yang tidak diperhitungkan.
- (iii) Bangunan yang telah lama siap dibina tetapi belum digunakan.
- (iv) Banyak jenis barangan yang tidak didaftarkan ke dalam buku inventori atau buku lejar.
- (v) Baki barang-barang stor dan baki dalam kad stok tidak seimbang kerana penerimaan barang-barang dan pengeluarannya tidak direkod / dikawal.
- (vi) Banyak jenis barangan stor yang berharga berjuta-juta ringgit kurang laris penggunaannya dan masih tersimpan di dalam stor.
- (vii) Kelemahan dalam mentadbir dan mengawal rumah-rumah sewa kerajaan telah melibatkan pembaziran berjuta-juta ringgit.

3. DIFINISI AUDIT DALAMAN

Ialah satu penilaian bebas yang diwujudkan di dalam sesebuah kementerian / jabatan sebagai khidmat kepada pengurusan untuk mengukur dan menilai sistem kawalan dalaman.

4. VISI

Ke Arah Pengurusan Kewangan Yang Teratur, Cekap Dan Berkesan.

5. MISI

Untuk memastikan perbelanjaan dibuat sepertimana ianya dipohonkan dan pungutan hasil kementerian dan jabatan adalah teratur dan berkesan.

6. OBJEKTIF

- 6.1 Memastikan kawalan dalaman mencukupi ke atas pengurusan kewangan dalam semua kementerian / jabatan.
- 6.2 Mencegah dan mengawal kejadian-kejadian pecah amanah, penyelewengan, penyalahgunaan, pembaziran serta pemborosan.
- 6.3 Membantu kementerian dan jabatan dalam mentadbir dan mengurus hal ehwal kewangan dan harta benda kerajaan.
- 6.4 Memastikan kelemahan-kelemahan dalam pengurusan kewangan dan harta benda kerajaan dikesan lebih awal sebelum menjadi kritikal.
- 6.5 Memastikan kelemahan-kelemahan dalam pengurusan kewangan dan harta benda kerajaan khususnya dalam perbelanjaan dan pengutipan hasil diperbaiki dengan segera.
- 6.6 Membantu Pegawai Pengawal (*Vote Controller*) supaya lebih bertanggungjawab (*accountable*) ke atas pengurusan kewangan dan harta benda kerajaan.

- 6.7 Memastikan Peraturan Kewangan 1983, undang-undang, prosedur-prosedur dan surat keliling yang berkaitan dengan hal ehwal kewangan difahami dan dipatuhi.

7. BIDANG TUGAS

- 7.1 Unit Audit Dalaman di peringkat kementerian melapor terus kepada Setiausaha Tetap.
- 7.2 Unit Audit Dalaman di peringkat jabatan melapor terus kepada ketua jabatan dan kepada Setiausaha Tetap.
- 7.3 Memeriksa, menilai serta membuat cadangan pembaikan dan peningkatan kawalan terhadap proses dan sistem pengurusan kewangan dan harta benda kerajaan.
- 7.4 Menerima dan menyiasat aduan-aduan dari mana-mana pihak termasuk orang ramai.
- 7.5 Menerima arahan-arahan dari Setiausaha Tetap / Ketua Jabatan dari masa ke semasa.
- 7.6 Memantau tindakan-tindakan ke atas teguran / cadangan Jabatan Audit.

8. BIDANG KUASA

8.1 Dalam melaksanakan tugas-tugasnya, pegawai / kakitangan Unit Audit Dalaman adalah dilantik dan diberi kuasa oleh Setiausaha Tetap / Ketua Jabatan di kementerian / jabatan berkenaan.

8.2 Pengauditan hendaklah terhad kepada kementerian atau jabatan masing-masing sahaja.

8.3 Kebebasan (*Independence*)

Pegawai / kakitangan Unit Audit Dalaman hendaklah bebas dalam melaksanakan peranan, tugas dan tanggungjawab mereka. Kebebasan meliputi perkara-perkara berikut :

- (i) Bebas dari dipengaruhi semasa menjalankan pengauditan.
- (ii) Bebas dari sekatan atau ugutan oleh pihak yang diaudit.
- (iii) Bebas dari tekanan mana-mana pihak.

8.4 Unit Audit Dalaman diberi kuasa seperti berikut :

- (i) Membuat penyiasatan dan mengakses apa jua dokumen atau rekod yang disimpan di kementerian / jabatan yang diauditnya.
- (ii) Memanggil sesiapa sahaja bagi mendapatkan maklumat dan keterangan yang diperlukan.
- (iii) Mengadakan pemeriksaan mengejut apabila diperlukan.

9. GARIS PANDUAN PENUBUHAN UNIT AUDIT DALAMAN

- 9.1 Setiap kementerian / jabatan hendaklah menubuhkan Unit Audit Dalaman yang diketuai seboleh-bolehnya oleh seorang pegawai dalam Bahagian I.
- 9.2 Unit Audit Dalaman di peringkat kementerian / jabatan hendaklah dianggotai oleh sekurang-kurangnya 3 orang pegawai dan kakitangan yang tidak terlibat dengan tugas-tugas hal ehwal kewangan dan operasi yang berkaitan.
- 9.3 Unit Audit Dalaman yang ditubuhkan di peringkat kementerian hendaklah menghadapkan laporannya kepada Setiausaha Tetap.
- 9.4 Unit Audit Dalaman yang ditubuhkan di peringkat jabatan hendaklah melapor terus kepada ketua jabatan dan Setiausaha Tetap.
- 9.5 Untuk meningkatkan pengetahuan dan kebolehan dalam pengauditan, pegawai / kakitangan Unit Audit Dalaman perlu didedahkan kepada kaedah-kaedah pengauditan terkini dengan diberi kursus dan latihan secara penempatan di Jabatan Audit dan Jabatan Perbendaharaan.

10. KERJASAMA DENGAN JABATAN AUDIT

Pegawai / kakitangan Unit Audit Dalaman perlu ada hubungan dan kerjasama dengan pegawai-pegawai dari Jabatan Audit dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pengauditan seperti menyerahkan kertas

kerja dan rancangan pengauditan serta laporan audit kepada Jabatan Audit bila-bila masa dikehendaki.

11. KERJASAMA DENGAN JABATAN PERBENDAHARAAN

Pegawai / kakitangan Unit Audit Dalamannya juga perlu ada hubungan dan kerjasama yang rapat dengan pegawai-pegawai dari Jabatan Perbendaharaan termasuklah membuat perjumpaan berkala untuk membincangkan perkara yang menjadi perhatian kedua belah pihak.

12. PEMANTAUAN

Setiasa Tetap / Ketua Jabatan hendaklah memastikan Unit Audit Dalamannya berfungsi sebagaimana hasrat penubuhannya dan juga memastikan teguran / cadangan Unit Audit Dalamannya diambil tindakan.

13. HAL- HAL LAIN

13.1 Mana-mana pegawai dan kakitangan dalam perkhidmatan kerajaan yang enggan memberi kerjasama kepada pegawai / kakitangan Unit Audit Dalamannya akan diambil tindakan tatatertib di bawah peraturan-peraturan yang berkuat kuasa dari masa ke semasa.

13.2 Semua maklumat dalam simpanan Unit Audit Dalamannya adalah terhadap.

- 13.3 Pegawai / kakitangan Unit Audit Dalamannya adalah tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi 1951 (Penggagal 26).

14. KESIMPULAN

- 14.1 Pada umumnya penemuan-penemuan audit yang dilaporkan oleh Juruaudit Agung menunjukkan kelemahan-kelemahan kawalan dalaman yang menjurus kepada pecah amanah, penyelewengan, penyalahgunaan, pembaziran serta pemborosan yang mengakibatkan kerugian kepada kerajaan.
- 14.2 Dengan tertubuhnya Unit Audit Dalamannya, maka kelemahan-kelemahan ini akan dapat diatasi demi menuju ke arah pengurusan kewangan yang teratur, cekap dan berkesan.
- 14.3 Oleh yang demikian, Unit Audit Dalamannya di kementerian-kementerian / jabatan-jabatan hendaklah disegerakan penubuhannya.